



**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
23 Rabiulawal 1442 / 09 November 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bagi Isnin, 23 Rabiulawal 1442H bersamaan 09 November 2020M, setakat jam 12:00 tengah hari.

**Ringkasan Kes**

<b>Kes Baru Hari Ini</b>	<b>Jumlah Keseluruhan Kes</b>		
<b>0</b>	<b>148</b>		
<b>Kes Sembuh Hari Ini</b>	<b>Kes Aktif</b>	<b>Kematian</b>	<b>Sembuh</b>
<b>0</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>145</b>

<b>Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19</b>	<b>Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan</b>
<b>Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (187 hari yang lalu)</b>	<b>7 Kes</b>

**Ringkasan Pengasingan Diri**

<b>Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori</b>	<b>Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)</b>
<b>338</b>	<b>7,772</b>

**Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2**

<b>Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam</b>	<b>Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)</b>
<b>97 sampel</b>	<b>71,204</b>

2. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa pada hari Ahad, 8 November 2020, sebuah syarikat gedung perniagaan di Jalan Muara telah dikenakan denda kompaun sebanyak \$5,000 kerana gagal mematuhi garis panduan perhimpunan ramai. Syarikat tersebut telah didapati mengadakan acara jualan murah dan mengamalkan perhimpunan ramai melebihi 350 orang tanpa melaksanakan sebarang langkah-langkah pengawalan yang bersesuaian.
3. Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai untuk mematuhi segala arahan-arahan yang dikeluarkan. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggala 204) yang mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda kompaun sehingga \$5,000 atau boleh didakwa ke mahkamah yang membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.
4. Dalam pada itu juga, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (face mask) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian. Orang ramai termasuk premis-premis perniagaan adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang berkaitan dengan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang telah dikeluarkan dan masih berkuatkuasa pada masa ini.
5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui **aplikasi Bruhealth**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/1

Tarikh : 23 Rabiulawal 1442H / 09 November 2020M